

Lelaki serang mekanik dengan pedang dipenjara lapan tahun

KUCHING: Seorang lelaki berusia 51 tahun dijatuhi hukuman penjara lapan tahun oleh Mahkamah Sesyen semalam kerana menyerang seorang mekanik dengan pedang tiga tahun lalu.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu terhadap Anthony Khoo Kok Peng selepas mendapati dia bersalah mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman pen-

jara sehingga 20 tahun dan denda, atau sebat jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, Khoo menyerang mangsa menggunakan pedang di tempat letak kereta awam di hadapan kedai loteri di Pusat Beli-Belah Tabuan Jaya di sini kira-kira jam 6.55 petang pada 14 Februari 2021.

Mangsa kemudian membuat laporan polis pada keesokan harinya selepas

kejadian itu, yang akhirnya membawa kepada penahanan Khoo.

Siasatan mendapati Khoo telah menyebabkan kecederaan parah terhadap mangsa.

Difahamkan, Khoo dan mangsa merupakan bekas jiran dan berlaku perselisihan faham antara mereka.

Pendakwaan kes oleh DPP Ruvinasini Pandian manakala Khoo diwakili Osman Ibrahim.